

Ehwal MoneySENSE

- Ada Faedah Untuk Menyimpan Wang

Ramai di kalangan kita sering tertanya-tanya bagaimana wang kita telah dibelanjakan. Cik Faridah, seorang peserta bengkel "Talking Dollars and SENSE" MoneySENSE di Majlis Pembangunan Masyarakat (CDC) NorthEast juga mempunyai perasaan serupa, terutamanya pada akhir setiap bulan. Cik Faridah telah mengambil beberapa langkah yang membolehkannya mengurus kewangan keluarganya dengan lebih baik sejak beliau mengikuti bengkel tersebut.

Bezakan antara keperluan dengan keinginan

Sebelum membuat sebarang pembelian, Cik Faridah terlebih dahulu bertanya sama ada barangan tersebut adalah satu "keperluan" atau "keinginan". Beliau kini hanya membeli apa yang beliau perlukan dan lebih berhati-hati apabila berbelanja untuk memenuhi "keinginan".

Belanja mengikut bajet dan simpan wang secara tetap

Cik Faridah telah menyiapkan bajet untuk keluarganya dengan mengeneipkan \$10 setiap hari untuk perbelanjaan keluarganya. Beliau juga mencatatkan perbelanjaannya setiap hari untuk memastikan beliau berbelanja mengikut kemampuannya. Tambahan lagi, beliau menyimpan jumlah wang tetap setiap hari sebagai persediaan bagi keperluan kecemasan dan perbelanjaan hujung tahun seperti buku-buku, pakaian sekolah dan kasut sekolah untuk ketiga-tiga anaknya.

Ambil langkah mudah yang dapat membantu memaksimumkan wang

Beliau telah mendapati bahawa beberapa langkah mudah setiap hari boleh membawa kepada penjimatan. Contohnya, usaha mengeneipkan \$2 setiap hari membantunya membina amalan menyimpan wang secara tetap. Apabila beliau keluar berbelanja, beliau memastikan bahawa beliau hanya membeli barang-barang runcit yang diperlukan dan berbelanja mengikut bajet.

Cik Faridah bersama suaminya mengawasi bil air dan elektrik mereka setiap bulan dan menetapkan sasaran bagi penggunaan air dan elektrik mereka. Mereka mengamalkan panduan penjimatan air dan elektrik. Contohnya, alat pemanas air akan dimatikan selepas 9 pagi kerana cuaca lebih hangat pada waktu itu dan air tidak perlu dipanaskan lagi.

Dengan ketiga-tiga anaknya berusia 16, 15 dan 13 tahun yang masih bersekolah, tidak hairanlah mengapa Cik Faridah berasa prihatin tentang perbelanjaan pendidikan anak-anaknya. Beliau bekerja sebagai penolong dalam kelas ekonomi rumah tangga di sebuah sekolah menengah secara sambilan bagi melengkapinya pendapatan suaminya yang lebih sedikit daripada \$1,000, untuk memberikan masa depan yang lebih baik untuk anak-anaknya.

Semasa ditanya sama ada beliau mempunyai azam tahun baru bagi 2006, Cik Faridah berkata, "Saya ingin menguruskan wang saya dengan lebih baik. Saya ingin terus berupaya menyimpan \$2 setiap hari untuk keluarga saya. Pada akhir setiap bulan, kami akan mempunyai \$60 dan pada akhir tahun, simpanan kami akan menjadi \$720. Ini mungkin bukan jumlah wang yang banyak bagi sesetengah orang, tetapi bagi kami, ia jumlah yang banyak."

Bagi Cik Faridah, mengamalkan disiplin dalam penggunaan wang membantu beliau menyediakan kehidupan lebih baik untuk keluarganya. Begitu juga untuk kita semua. Perkara yang penting bukanlah jumlah gaji yang kita raih, tetapi jumlah wang yang kita simpan.

Kita semua boleh mengambil beberapa langkah mudah untuk menguruskan wang kita dengan lebih baik. Langkah seperti merancang bajet dan menyimpan wang secara tetap akan membuahkan hasil yang lumayan pada jangka panjang.

Dapatkan maklumat tentang cara anda boleh menguruskan kewangan keluarga anda dengan lebih baik. Muat turunkan panduan "MoneySENSE Guide to Planning for Your Family's Financial Future" di www.moneysense.gov.sg.



Ehwal MoneySENSE

Keluaran No. 2 • Januari 2006 • www.moneysense.gov.sg



Simpan sekurang-kurangnya 10% daripada gaji anda yang dibawa pulang. Masukkan wang simpanan anda dalam akaun simpanan berasingan agar anda tidak membelanjakan simpanan anda apabila berasa terdesak untuk berbelanja lebih.

Siapkan bajet anda. Senaraikan setiap barangan yang anda ingin beli setiap bulan dan perbelanjaan sebenar anda. Jika perbelanjaan sebenar anda melebihi sasaran perbelanjaan anda, semaklah perbelanjaan anda dan kurangkan perbelanjaan bagi barangan yang tidak diperlukan.

Bayarlah bil kad kredit anda pada waktunya dan sepenuhnya. Ingattiah bahawa bayaran faedah bagi bil kad kredit yang belum dijelaskan adalah jauh lebih tinggi berbanding faedah yang dibayar bagi simpanan wang dalam bank anda.

Kurangkan bil air dan elektrik anda. Sebuah keluarga empat orang boleh menjimatkan sehingga

Tip MoneySENsible
\$160 setahun bagi bil air dan elektrik dengan mengurangkan waktu mandi bagi setiap orang selama lima minit. Anda boleh menjimatkan lagi \$100 setahun dengan menggunakan mesin basuh yang menjimatkan air, dengan mematikan alat pemanasnya dan mengisi muatan pakaian sepenuhnya setiap kali mencuci pakaian. Hubungi hotline PUB di 1800-284 6600 untuk mendapatkan kit penjimatan air secara percuma bagi membantu mengurangkan penggunaan air di rumah anda.

Amalkan sikap berhati-hati apabila membeli barangan yang disertakan kos berterusan. Contohnya, apabila membeli peralatan elektrik, timbangkan tahap penggunaan tenaganya. Maklumat mengenai peralatan rumah yang menjimatkan tenaga boleh didapati di www.neec.gov.sg/energylabel.



Tip

Simpan sebahagian daripada pendapatan anda terlebih dahulu sebelum membelanjakan bakinya. Tetapkan sasaran untuk simpan wang sebanyak 3 - 6 bulan daripada pendapatan anda bagi keperluan kecemasan.

Buatlah Azam Tahun Baru anda dan Dapatkan Peluang Memenangi Baucar Membeli-Belah

Dalam tahun baru ini, memang tepat masanya untuk kita merenungkan tentang cara kita boleh menguruskan kewangan kita dengan lebih baik. Apakah azam tahun baru anda dalam soal menguruskan wang anda?

Sama ada ia adalah menyimpan jumlah wang yang tetap setiap bulan, mengumpulkan wang yang mencukupi sebagai persediaan bagi keperluan kecemasan, menyiapkan bajet bulanan, mengawasi perbelanjaan anda, menyelesaikan hutang pada masanya, menyemak perlindungan insurans anda, membaca syarat-syarat dan peraturan sebelum membeli sebarang produk kewangan atau merancang kewangan anda untuk persaraan yang terjamin, kami ingin mendengar daripada anda.

Berkongsilah dengan kami tentang cara anda ingin menguruskan wang anda dengan lebih baik dalam 2006. Hantarkan azam tahun baru anda kepada consumers@mas.gov.sg dan anda boleh menjadi antara 3 pemenang bertuah untuk memenangi baucar membeli-belah \$50!

Sila ambil perhatian:

- Tajuk bagi penyerahan e-mel anda haruslah "MoneySENSE - New Year Resolution".
- Sila berikan nama, nombor telefon dan alamat anda.
- Setiap penyerahan tidak harus mempunyai lebih daripada 200 perkataan.
- Tarikh tutup bagi Penyertaan Azam Tahun Baru ialah 31 Januari 2006. Para pemenang akan dimaklumkan melalui telefon.
- Undian ini dibuka kepada semua Rakyat Singapura dan Penduduk Tetap Singapura yang berusia 21 tahun dan ke atas.
- Setiap peserta akan mendapat SATU peluang untuk memenangi hadiah. Penyertaan lebih daripada satu daripada peserta yang sama tidak akan dibenarkan.
- Baucar membeli-belah yang ditawarkan tertakluk kepada syarat-syarat dan peraturan kedai.



Undian MoneySENSE

Acara MoneySENSE

Ceramah "Perancangan Kewangan untuk Keluarga"

Dianjurkan oleh Persatuan Pelabur Sekuriti Singapura (SIAS)

- Kelab Masyarakat Bedok, 18 Feb 06, 2.30 - 4.30 petang (Inggeris)

Untuk mendaftar, sila hubungi Raymi Shankar di raymi@sias.org.sg atau Rachel.toh@sias.org.sg. Nombor telefon 6 227 2683.

Panduan Pelaburan Sekuriti untuk Golongan Baru Mula Belajar (Beginner)

Dianjurkan oleh Singapore Exchange

- HDB Hub, 18 Feb 06, 9pg - 12.30tgh (Inggeris)

Untuk mendaftar, sila hubungi 1800-HUBUNGI SGX (1800-2255 749) atau hantarkan e-mel kepada marketing@sgx.com. Yuran pendaftaran \$5 akan dikenakan bagi setiap peserta untuk setiap seminar. Nota dan makanan dan minuman ringan akan disediakan.

MoneySENSE adalah satu program pendidikan kewangan nasional yang dilancarkan oleh Pemerintah Singapura dalam Oktober 2003. MoneySENSE memberikan maklumat untuk membantu rakyat Singapura mengurus kewangan mereka dengan lebih baik dan merancang bagi kesihatan kewangan mereka. Dapatkan lebih banyak tip mengenai cara merancang bagi persaraan anda dalam keluaran selanjutnya.

Untuk tip dan maklumat lanjut, kunjungi www.moneysense.gov.sg